

Jangan benarkan aktiviti di kawasan rizab sungai – Wan Junaidi

SHAH ALAM 10 Okt. – Pentadbiran kerajaan negeri khususnya di Selangor digesa bersikap serius dengan tidak membenarkan sebarang aktiviti perkilangan atau pembinaan rumah di kawasan-kawasan berhampiran sungai bagi mengelakkan pencemaran air.

Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Seri Wan Junaidi Tuanku Jaafar berkata, pihaknya mendapati kebanyakan kes pencemaran sungai di negara ini termasuk di Sungai Semenyih baru-baru ini berpunca daripada wujudnya aktiviti manusia di kawasan rizab sungai.

“Saya tidak berniat mahu menunding jari kepada mana-mana pihak termasuklah kerajaan negeri-negeri yang ada. Namun, kita tahu bahawa tanggungjawab untuk memelihara kualiti dan aliran air sungai-sungai yang ada termasuklah mengawal se-

barang aktiviti di kawasan rizab sungai adalah tanggungjawab bersama.

“Bagi pihak kementerian, kita telah beri arahan kepada Jabatan Alam Sekitar (JAS) di peringkat pusat dan negeri-negeri untuk memantau serta membuat kajian berapa banyak kilang dibina di kawasan rizab sungai yang menjadi sumber air kepada rakyat.

“Pemantauan dan kajian itu termasuk kawasan kediaman serta aktiviti pertanian di kawasan berhampiran rizab sungai. Namun, kita sarankan supaya kerajaan negeri-negeri supaya pastikan tidak ada aktiviti industri dan perumahan dibuat di kawasan rizab sungai,” katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas melancarkan MSU Environmental Sustainability Campaign 2016 di Kampus Management & Science University (MSU), di sini hari ini.



**WAN JUNAIDI
TUANKU JAAFAR**

Yang hadir sama Presiden MSU, Tan Sri Dr. Mohd. Shukri Ab. Yajid.

Dalam pada itu, Wan Junaidi ketika ditanya penutupan Loji Rawatan Air (LRA) Langat dan LRA Cheras minggu lalu berkemungkinan berpunca daripada pencemaran di Sungai Langat berkata, pihaknya masih menjalankan siasatan mengenai perkara itu.

Katanya, walaupun JAS mengesahkan tiada kes pencemaran berlaku di Sungai Semantan, Pahang yang dikaitkan dengan penutupan kedua-dua LRA itu sebelum ini, namun pihaknya masih lagi mengenal pasti punca sebenar masalah air berbau yang menyebabkan 299 kawasan di Kuala Lumpur, daerah Petaling dan daerah Hulu Langat mengalami gangguan bekalan air.

Sementara itu, usaha *Utusan Malaysia* mendapatkan penjelasan kerajaan Selangor gagal apabila Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pelancongan, Alam Sekitar, Teknologi Hijau dan Hal Ehwal Pengguna, Elizabeth Wong tidak dapat dihubungi.